KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

# SIARAN MEDIA

## KKDW PERKUKUH KERJASAMA ASEAN DALAM AGENDA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI PERINGKAT SERANTAU

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menganjurkan **Dialog Pelbagai Pihak Berkepentingan ASEAN mengenai Pelan Induk ASEAN Berkenaan Pembangunan Luar Bandar** (*ASEAN Multistakeholder Dialogue on the ASEAN Master Plan on Rural Development*) di Sheraton Imperial Kuala Lumpur Hotel pada **7 dan 8 Oktober 2025** bertemakan "Mempromosi Sinergi ke Arah Pembangunan Luar Bandar yang Mampan dan Transformatif dalam Komuniti ASEAN".

KKDW seterusnya menganjurkan **Forum ASEAN+3 mengenai Wanita dan Pendigitalan** (*ASEAN+3 Forum on Women and Digitalisation*) pada **9 Oktober 2025** bertemakan "Memperkasakan Wanita Luar Bandar Melalui Keterangkuman Digital untuk Masa Depan yang Mampan". Forum ini dianjurkan dengan sinergi antara negara-negara anggota ASEAN Campur Tiga (ASEAN+3) iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea. Ucaptama Forum telah disampaikan oleh **YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah**.

Kedua-dua acara ASEAN ini diadakan bersempena dengan kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia dan disokong oleh pihak Sekretariat ASEAN dengan **penyertaan lebih 100 peserta** dari seluruh rantau ASEAN dan negara ASEAN+3.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my

Kedua-dua acara tersebut menampilkan **33 ahli panel pakar** daripada Negara Anggota ASEAN, Korea, *Food and Agriculture Organisation* (FAO), usahawan wanita luar bandar, pakar teknologi dan wakil sektor swasta yang berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam memperkasa masyarakat luar bandar termasuk golongan wanita.

Sesi **Dialog** diadakan untuk memperkukuh pelaksanaan **Pelan Induk ASEAN Berkenaan Pembangunan Luar Bandar** dengan memberi tumpuan kepada promosi kerjasama serantau untuk transformasi luar bandar yang mampan dan inklusif. Dialog ini juga menjadi platform untuk **menyelaras dasar, memupuk sinergi antara pelbagai inisiatif ASEAN** serta mengenal pasti bidang keutamaan bagi tindakan bersama.

Sesi **Forum** membincangkan cabaran yang dihadapi **wanita luar bandar** dalam mengakses teknologi digital, pendidikan dan perkhidmatan kewangan. Forum ini turut menekankan peranan teknologi sebagai pemangkin utama untuk merapatkan jurang digital, meningkatkan produktiviti dan memperkukuh kesaksamaan gender.

Penganjuran bersama ini menegaskan komitmen Malaysia di bawah kepimpinan KKDW untuk bersama-sama negara-negara anggota ASEAN yang lain dalam memperkukuhkan agenda pembangunan inklusif dan mampan di rantau ASEAN, khususnya dalam aspek pembangunan luar bandar serta pemerkasaan golongan wanita, sejajar dengan prinsip “Leave No One Behind” dalam kerangka ASEAN 2025. Selain itu, ia juga mencerminkan peranan KKDW untuk memperkukuhkan sinergi antara negara-negara anggota ASEAN+3.

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**9 OKTOBER 2025**